

Seiring jamin negara mampan

Bersama

**Prof Dr Ismi
Arif Ismail**



spirasi Malaysia muncul sebagai negara berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan tidak hanya bergantung kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, tetapi sejauh mana pertumbuhan disokong pembangunan modal insan berkesan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu kebolehpasaran graduan dan ketidakpadanan kemahiran sering jadi tumpuan perbincangan awam. Namun melihat cabaran ini sebagai kegagalan universiti semata-mata merupakan satu penyederhanaan terhadap isu nasional yang lebih kompleks.

Hakikatnya, universiti di Malaysia giat bekerjasama dengan industri melalui penubuhan panel penasihat industri, pembangunan kurikulum secara bersama, pembelajaran berasaskan kerja, latihan industri serta penyelidikan kolaboratif. Oleh itu, cabaran sebenar bukan kekurangan usaha di peringkat institusi, sebaliknya keperluan penyelarasan kukuh dan menyeluruh antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sumber manusia di peringkat nasional.

Pembangunan ekonomi menentukan hala tuju permintaan negara manakala pembangunan modal insan memastikan rakyat sedia memenuhi permintaan itu. Apabila kedua-duanya bergerak seiring dan terselaras, rangkaian bakat negara dapat diperkukuh. Namun apabila ia bergerak pada kelajuan berbeza, jurang tetap wujud walaupun universiti dan majikan sudah melaksanakan usaha terbaik masing-masing.

Ekonomi Malaysia kini berada dalam fasa transformasi pesat. Pendigitalan, ekonomi hijau, pembuatan termaju, perkhidmatan kesihatan, industri halal dan ekonomi kreatif semakin diberi keutamaan dalam pelan pembangunan negara. Pada masa sama, sektor tradisional masih memainkan peranan penting dalam penyediaan peluang pekerjaan. Mengurus peralihan ini memerlukan penyelarasan teliti antara strategi pelaburan, perancangan tenaga kerja dan pembangunan bakat.

Antara isu utama ialah faktor

masa. Keutamaan ekonomi boleh berubah dengan pantas akibat trend global, gangguan teknologi atau tekanan geopolitik, manakala sistem pendidikan dan latihan memerlukan masa untuk menyesuaikan diri. Program pengajian, proses akreditasi dan pembangunan tenaga akademik tidak boleh diubah dalam tempoh yang singkat. Jurang masa ini wajar difahami sebagai realiti struktur, bukan kelemahan institusi.

Bagi menangani perkara ini, Malaysia perlu memperkukuh ekosistem maklumat pasaran buruh lebih bersepadu. Data permintaan kemahiran lebih tepat dan bersifat ramalan dikongsi merentasi kementerian, industri dan penyedia pendidikan membantu pembangunan bakat seiring transformasi ekonomi.

Dalam konteks kebolehpasaran, penekanan tidak boleh terhad kepada kemahiran teknikal semata-mata. Dalam ekonomi dinamik, graduan Malaysia perlu ada keupayaan menyesuaikan diri, literasi digital, kemahiran komunikasi, kesedaran etika serta keupayaan untuk terus belajar sepanjang hayat. Atribut ini membolehkan graduan bergerak merentasi sektor apabila ekonomi berubah, sekali gus mengurangkan risiko ketidakpadanan jangka panjang.

Majikan di Malaysia harus menyedari kepentingan bekerjasama dengan universiti untuk membentuk hasil pembelajaran graduan lebih

holistik. Kerjasama sebegini wajar diperkasa lagi melalui insentif dasar, program latihan bersama serta laluan peralihan graduan yang lebih tersusun.

Pada masa sama, strategi pembangunan ekonomi perlu menumpukan penarikan pelaburan dan penciptaan pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Pertumbuhan ekonomi tidak diterjemah kepada peluang pekerjaan bermakna akan terus memberi tekanan kepada pasaran graduan.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia tidak boleh dipinggirkan. Dengan sokongan bersesuaian, PKS berpotensi menjadi medan latihan dan inovasi penting graduan muda, menawarkan pendedahan kepada cabaran sebenar dunia pekerjaan serta keusahawanan.

Satu lagi dimensi kritikal ialah pembelajaran sepanjang hayat. Dalam usaha Malaysia menuju ekonomi berasaskan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan penyesuaian semula kemahiran perlu menjadi norma nasional. Pensijilan mikro, laluan pembelajaran fleksibel dan pengiktirafan pembelajaran terdahulu membolehkan tenaga kerja kekal relevan, di samping menyokong daya tahan ekonomi. Tanggungjawab ini perlu dikongsi bersama oleh kerajaan, majikan dan individu.

Akhirnya, usaha menangani ketidakpadanan graduan di Malaysia bukanlah soal mencari

pihak untuk dipersalahkan, sebaliknya soal memperkukuh penyelarasan. Universiti, industri dan kerajaan sebenarnya sedang bergerak ke arah yang sama. Cabaran seterusnya ialah memastikan usaha ini diselaraskan dengan lebih berkesan, saling melengkapi dan dipandu oleh visi nasional yang jelas.

Apabila pembangunan ekonomi dan pembangunan modal insan bergerak seiring, graduan tidak lagi dilihat sebagai lebihan bekalan, tetapi sebagai aset strategik negara.

Dalam konteks ini, peranan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menjadi amat penting sebagai pemudah cara dan penyelar strategik. Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 bakal dilancar mencerminkan komitmen negara untuk memastikan pembangunan bakat negara bergerak seiring keperluan ekonomi.

Kesimpulannya, sesebuah negara membangunkan ekonomi tanpa bangunkan modal insan berhadapan risiko kemerosotan. Begitu juga, pembangunan bakat tanpa hala tuju ekonomi jelas hanya akan menimbulkan kekecewaan. Peluang Malaysia terletak pada keupayaannya memastikan kedua-duanya bergerak seiring; ke arah kemakmuran dan pembangunan negara yang sejahtera dan mampan.

**Penulis pensyarah kanan
di Universiti Putra Malaysia**

Sesebuah negara yang bangunkan ekonomi tanpa bangunkan modal insan berhadapan risiko kemerosotan. Begitu juga, pembangunan bakat tanpa hala tuju ekonomi jelas hanya akan menimbulkan kekecewaan